

# PRISMA II beri suntikan semangat pelajar ke menara gading

oleh: Mujahid Halpi

AHAD, 30 MAC - Program Ilmu Seiring Maju II (PRISMA II) anjuran Exco Akademik Dan Kerjaya Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Dr Mahathir atau Anugerah Bestari (AB) dengan Kerjasama Sekretariat Rakan Muda Institut Pengajian Tinggi (IPT) Universiti Malaysia Sabah (UMS), telah melabuhkan tirainya di sini, pagi tadi.

PRISMA II melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah yang mengambil SPM dan lepasan STPM dan telah berkampung di kampus UMS selama 3 hari 2 malam di Kolej Kediaman Tun Dr Mahathir (AB). Objektif program ini adalah untuk mempromosikan UMS kepada pelajar luar bandar, pendedahan awal berkaitan kehidupan seorang mahasiswa, memberikan ilmu berkaitan hala tuju kemasukan ke Universiti melalui permohonan Unit Permohonan Universiti (UPU). Selain itu, memberi penerangan berkaitan permohonan biasiswa disamping penerapan nilai-nilai kepimpinan dan membentuk kekuatan fizikal peserta.

"Pelajar pada era ini diberikan pelbagai kelebihan berbanding pelajar dahulu ketika era saya.



**Peserta Program Ilmu Seiring Maju II, bersama pengetua Kolej Kediaman Tun Dr Mahathir.**

Hari ini kita menyaksikan lambakan dorongan program yang diadakan oleh pelbagai pihak bagi memberikan nilai keintelektualan kepada masyarakat setempat. Maka, JAKMAS di bawah Exco Akademik dan Kerjaya tampil atas nilai kesedaran untuk memberikan beberapa tips pendidikan menerusi penganjuran PRISMA II", kata Fauzie Sarjono, Pengetua Kolej Kediaman Tun Dr Mahathir (AB).

Beliau berkata, PRISMA II dianjurkan bertepatan dengan keperluan semasa apabila pada bulan September 2014 nanti, kesemua IPT di Malaysia akan menerima kehadiran Siswa dan Siswi Baharu untuk melanjutkan pengajian mereka.

PRISMA II adalah kesinambungan daripada PRISMA I yang diadakan di Pantai Resort Membakut pada tahun 2013 yang telah dianjurkan oleh Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar (Seksyen 1) UMS sesi 2012/2013. Seramai 50 peserta melibatkan diri dalam program ini dan antara sekolah yang menghantar wakil adalah SMK Putatan, SMK Abdul Rahim Kudat, SMK Kota Marudu, Maktab Sabah, SMK Pengiran Omar Sipitang dan SMK Kudat 2.